

29/06/2001

Kenapa Umno lupa masalah dadah?

Kamal Ahmad

SEJAK merdeka, negara menghadapi cabaran dari dalam mahupun luar negara. Ancaman komunis secara ideologi dan keganasan bersenjata, konfrontasi dengan Indonesia, rusuhan kaum, kejatuhan harga komoditi yang menjadi sumber utama ekonomi, kemelesetan ekonomi awal 1980-an, krisis kepemimpinan dalam parti dan krisis kewangan 1997 adalah antara perkara yang ketara.

Semua cabaran dan krisis itu ditangani dengan baik melalui tindakan bijak kepimpinan negara yang mendapat sokongan padu rakyat.

Namun, beberapa isu besar yang belum selesai perlu diberi perhatian semula oleh Umno. Dalam soal sekarang, kenapa Umno tidak memberi perhatian, antaranya kepada masalah penagihan dadah serta kesannya, iaitu jangkitan HIV/Aids yang membunuh penghidapnya?

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu turut menyentuh dua masalah sosial itu.

Dalam teks bertajuk 'Melayu Mudah Lupa' dan di bawah tajuk kecil 'Melayu Sudah Lupa Perjuangan', Perdana Menteri berkata: "...bahawa mereka masih lemah dalam semua bidang, lemah dari segi ekonomi, tidak berilmu, kurang cerdik, mudah disogok, menjadi penagih dadah, menghidap penyakit Aids dan lain-lain..."

Namun, tiada pembahas yang menyentuh apatah lagi mengupas isu sosial yang sinonim dengan orang Melayu, iaitu penagihan dadah dan dijangkiti HIV.

Selepas diakui sebagai salah satu cara memusnahkan generasi muda negara ini, isu menangani penagihan dadah perlu diberi dimensi, perspektif, kaedah dan tindakan baru. Ini kerana gejala sejak awal 1970-an itu bukan saja tidak kunjung reda, malah semakin kritikal.

Hasilnya, HIV yang kini menjadi pembunuh utama manusia dan belum ditemui penawarnya, sama-sama merebak di kalangan penagih dadah di Malaysia yang hampir 80 peratus adalah Melayu.

Dianggarkan lebih 40,000 orang dijangkiti HIV termasuk isteri dan anak selain penagih itu sendiri. Mereka biasanya mampu hidup untuk tempoh beberapa tahun dan maut dalam keadaan tragis, tetapi tidak pernah menginsafkan orang lain.

Apakah Umno tidak menginsafi wabak ini yang meragut sebahagian besar orang Melayu daripada 40,000 setakat ini yang disahkan menghidap HIV/Aids? Apakah Umno tidak sedar atau khuatir dengan kira-kira 5,000 kes baru penghidap HIV/Aids setiap tahun?

Apakah Umno tidak malu apabila sebahagian besar daripada 12,000 pelatih di 27 pusat serenti adalah Melayu? Apakah Umno tidak tersentuh dengan kes kematian menyedihkan dan 'misteri' penghuni pusat serenti seperti yang berlaku di Raub beberapa hari lalu?

Dadah adalah antara pembunuh utama generasi muda Melayu selain kemalangan jalan raya yang membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal remaja Melayu.

Membebaskan orang Melayu daripada penagihan dadah juga satu tanggungjawab Umno untuk mempertahankan kelangsungan bangsa Melayu. Jika bukan Umno, siapa lagi?

Sesungguhnya, membebaskan generasi muda Melayu daripada dadah adalah tanggungjawab besar Umno selain disokong oleh agensi penguat kuasa lain. Umno harus meneladani kesungguhan politik MCA yang berjaya menangani

gejala penagihan ecstasy di kalangan remaja Cina.

Hanya dalam tempoh beberapa bulan gejala itu diwar-warkan, MCA menggembeleng segenap agensi dan jentera kerajaan berkaitan untuk membasmi pengambilan pil khayal itu.

Umno juga harus mengambil sikap seperti mana kerajaan menangani isu judi mesin kuda dan mesin slot.

Tetapi apabila masuk soal dadah, kempen antidadah menjangkau hampir 30 tahun, tetapi tiada kesannya? Sebagai satu isu, masalah dan kempen lapuk, pembanteras dadah sebenarnya memerlukan pembabitkan semua pihak, termasuk Umno.

Tanggungjawab Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Rukun Tetangga, majikan, polis, Pemadam dan semua badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan perlu dikaji semula untuk dipertingkatkan.

Umno boleh mendesak ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembanteras Dadah. Jika kerajaan mengambil berat pengguna yang menjadi mangsa skim cepat kaya, sikap yang sama perlu terhadap isu penagihan dadah.

Membangkitkan soal dadah dan kematian orang Melayu yang menyalahgunakannya dalam suasana sekarang mungkin dianggap tulisan lucu dan lekeh, malah antiklimaks. Tetapi jika direnung lebih mendalam, Umno tidak harus berlengah lagi untuk merangka satu tindakan bersepadu untuk membanterasnya.

Menurut Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Zulkifli Alwi, fokus pergerakan itu ialah melaksanakan gerak kerja parti melalui satu pelan hala tuju Pemuda dan matlamatnya untuk memenangi pilihan raya.

Hasrat Pemuda itu kita kagumi. Tetapi alangkah lebih tulus murninya jika kempen membasmi penagihan dadah turut dimasukkan dalam gerak kerja pergerakan itu kerana ia adalah satu kepentingan strategik dan membabitkan orang Melayu akar umbi.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, yang menerajui Kementerian Belia dan Sukan, tidak wajar membina Rakan Muda semata-mata, tetapi menyertai usaha membasmi penagihan dadah di kalangan belia. Isu belia bukan setakat pembangunan mereka, tetapi lihat kemusnahan yang golongan itu alami.

Ingat, kempen antidadah sudah tidak berkesan walaupun sudah dilancarkan 30 tahun lalu. Untuk membasminya hanya melalui tindakan penguatkuasaan membanteras pengedaran dadah secara besar-besaran di seluruh negara.

Bagi Pergerakan Wanita Umno atau Puteri Umno, satu 'tips' untuk mereka 'popular' dan dihormati ialah mendesak supaya kerajaan mewajibkan pemeriksaan mengesan HIV/Aids bagi pasangan yang hendak berkahwin sama ada lelaki mahupun wanita sehingga dikuatkuasakan.

Ini kerana apa maknanya sebuah perkahwinan jika satu daripada pasangan mereka akan dijangkiti HIV dan bayi yang lahir kemudian turut menerima bala yang dibawa ibu atau bapa mereka.

Perkahwinan oleh pasangan yang menagih dadah juga kerap berakhir dengan perceraian. Perceraian pula memberi kesan kepada emosi dan sosial sama ada ibu atau anak yang kemudian memberi kesan buruk kepada masyarakat.

Peraturan mandatori itu mungkin dianggap 'gila dan keterlaluan' tetapi ia memberi kesan kepada struktur sosial orang Melayu keseluruhannya. Apa erti satu bangsa jika anggota masyarakatnya umpama kayu diserang anai-anai. Ia merebak dari dalam dan klimaksnya kayu reput bersepai.

Isu ini wajar Wanita Umno dan Puteri Umno perjuangkan bersama perkara lain seperti berkaitan isu perundangan dan perbicaraan mahkamah syariah serta pembelaan ibu tunggal.

Setakat ini, Umno rasanya tidak pernah menyentuh atau memberi fokus mengenai isu penagihan dadah yang sebenarnya terkena batang hidup mereka sendiri.

Memandangkan lebih separuh kes jenayah di negara ini ada kaitan dengan dadah, ia sebenarnya satu ancaman besar kepada struktur dan keselamatan masyarakat yang disifatkan sangat strategik kepada negara.

Di sini, kesungguhan politik Umno dituntut. Lagipun ia memang sudah menjadi tanggungjawab parti kerana yang terbabit majoritinya Melayu.

Jika Umno sudah membebaskan majoriti Melayu daripada belenggu kemiskinan, kini tugas baru ialah membebaskan Melayu daripada gejala penagihan dadah. Jika Umno mampu melahirkan generasi Melayu berpendidikan, berkemahiran dan profesional, parti juga harus terpanggil untuk melahirkan generasi sihat tanpa dadah.

Kaji dan teliti bagaimana kawasan tanah rancangan, kampung, sub perbandaran dan kawasan sesak di bandar menjadi sarang penagih dadah. Penagih dadah ada di mana-mana.

Sesungguhnya musuh di dalam dan luar negara tidak henti-henti untuk melemah serta memusnahkan kekuatan Melayu dengan apa jua cara, termasuk dengan menyuntik dadah ke tubuh sendiri.

Fokus lain yang sekian lama belum selesai ialah memerangi gejala politik wang selain memperkasa jati diri ahli yang kian luntur. Umno juga perlu segera kembali ke akar umbi kerana di situ terletak kekuatan parti dan keberkesanan segala tindakan.

Umno juga harus menjangkau permasalahan lain seperti ajaran sesat dan murtad, pengekalan dan penambahan tanah rizab Melayu serta ibu tunggal. Umno wajar turut mengerah korporat Melayu yang dibangunkan untuk melaksanakan program pemilikan komputer di sekolah dan rumah, motivasi pendidikan dan sikap, serta membiayai pusat sumber sekolah.

Umno juga harus melihat usaha menyuburkan semula amalan tradisi, adat dan budaya masyarakat Melayu yang kian pupus dilanda kebaratan.

Ingatlah, Umno dan ahlinya mesti serius dalam permasalahan ini kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang amat berat terhadap agama, bangsa dan negara.

Melalui satu keinsafan menyeluruh, Umno diharapkan dapat menggerakkan satu penyatuan kesungguhan politik, pemikiran merumuskan kerangka baru pembasmian dan tindakan bersepadu agenda berkaitan dalam tempoh segera bagi memastikan kelangsungan Melayu tidak dimusnahkan oleh dadah.

(END)